



Hari Biodiversiti Sedunia Tingkatkan Kesedaran Penjagaan Alam Sekitar

Oleh: Mohd Affzanizam Mohd Amin

Universiti Malaysia Sabah (UMS) terus memainkan peranan dalam membantu usaha kerajaan bagi memastikan kehijauan alam semula jadi terus terpelihara. Pelbagai inisiatif telah diambil bagi menimbulkan kesedaran mengenai peri pentingnya pengekalan ekosistem dunia.

Pada 22 Mei 2010, UMS telah mengadakan Hari Biodiversiti Sedunia yang dirasmikan oleh Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar, Datuk Masidi Manjun. Berucap pada majlis itu beliau berkata, penganjuran majlis berkenaan adalah amat bertepatan dalam mengekalkan keseimbangan alam semula jadi di negara ini yang sedang mengalami pembangunan pesat.

"Kita sering mendengar isu mengenai pemanasan global, pertukaran karbon dan pemulihian hutan melalui buku dan suratkhabar ataupun dalam seminar. Namun hari ini, kita bersama-sama turun padang untuk melaksanakan apa yang kita dengar selama ini iaitu bersama memelihara alam sekitar," katanya lagi.

Tambah beliau, UMS sesungguhnya sebuah universiti yang bertuah kerana memiliki lokasi kampus yang menarik dan dikelilingi oleh tumbuhan hijau. Sehubungan itu katanya, beliau amat menyokong inisiatif universiti untuk mengadakan penanaman lebih banyak pokok sempena Hari Biodiversiti Sedunia ini sekaligus mampu memulihara dan memelihara alam flora dan fauna untuk warisan turun-temurun dan tatapan generasi akan datang.

Terdahulu, Naib Canselor UMS, Brig. Jeneral Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Kamaruzaman Hj. Ampon menyatakan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang sentiasa menyokong usaha pihak UMS dalam mengekalkan kehijauan alam sekitar. Katanya, Tumbuhan alam semula jadi ini sememangnya penting dalam mengekalkan keseimbangan ekosistem dunia khususnya dalam mengurangkan pemanasan global, isu penipisan lapisan ozon dan sebagai sumber utama udara segar dan bersih. Majlis selama sehari itu turut dihadiri Konsul Jeneral Jepun di Kota Kinabalu, Kazuyoshi Yamaguchi; Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar Global (JICA), Kikuo Nakagawa, Pengarah Institut Biologi Tropika dan Pemuliharaan (IBTP), Prof. Madya Dr. Abdul Hamid Ahmad dan Pegawai-pegawai Utama UMS.

